

**KAJIAN KATEGORI MASALAH PELAJAR TAHUN SATU, KOLEJ TUN  
RAZAK, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI, JOHOR**

Syed Mohamed Shafeq Syed Mansor & Hairiza Binti Othman  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kategori masalah dan perbezaannya dari segi demografi (program pengajian, jantina, bangsa, kelayakan akademik, aliran sekolah menengah) di kalangan pelajar Tahun Satu Kolej Tun Razak, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Seramai 385 orang pelajar telah dipilih secara rawak untuk menyertai kajian ini. Alat kajian yang digunakan ialah Senarai Semak Masalah Pelajar (SSMP), dibangunkan oleh Syed Shafeq (2008), yang mengandungi 232 item. Nilai kebolehpercayaan alat kajian ini adalah 0.94. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian ‘Statistical Package for the Social Sciences’ (SPSS 11.5). Teknik statistik pemeratusan telah digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Hasil kajian yang diperolehi mendapati kategori masalah yang paling mengganggu responden adalah Penyesuaian dan Kerjaya Masa Depan (67.3%), diikuti Moral dan Agama (56.7%) dan Kegiatan Sosial dan Rekreasi (53.6%). Manakala kategori masalah yang paling kurang mengganggu responden pula ialah Kewangan, Keadaan Kehidupan dan Pekerjaan (35.9%), diikuti Kurikulum dan Kaedah Pengajaran (34.8%) dan Kesihatan dan Pertumbuhan Jasmani (33.5%). Berdasarkan analisis, didapati kategori masalah yang menganggu responden dari segi demografi (program pengajian, jantina, bangsa, kelayakan akademik, aliran sekolah menengah) adalah sama iaitu penyesuaian dan kerjaya masa depan. Namun terdapat perbezaan, kategori masalah yang paling kurang menganggu responden dari segi demografi (program pengajian, jantina, bangsa dan aliran sekolah). Oleh itu beberapa cadangan dikemukakan untuk mengatasi masalah tersebut.

**Abstract:** The purpose of this study is to identify the categories of problems faced by the first year student of Tun Razak College, Malaysia University of Technology, Skudai, Johor. Besides that, it is to identify the differences of the category problems based on demography (course, gender, race, academic qualification, secondary school's streaming). A total of 385 students were randomly chosen as respondents for this study. The instrument being used is Student Problem Check List (SPCL) create by Syed Shafeq (2008), containing 232 items. The reliability of this instrument is 0.94. The data collected were processed using the ‘Statistical Package For The Social Science’, Version 11.5 (SPSS 11.5 program). Statistical percentages technique was used to answer the research questions. From the study, it was found that the most distracting factors faced by the respondents were familiarizing and future careers (67.3%), followed by moral and religion (56.7%) and social activities and recreation (53.6%). The less distracting factors were financial, living conditions and employment (35.9%), followed by curriculum and teaching methods (34.8%), health and physical development (33.5%). From the analysis, there are not differences the most distracting factors faced by the respondents based on demography (course, gender, race, academic qualification, secondary school's streaming) were familiarizing and future careers. However, there are differences the less distracting factors faced by the respondents based on demography (course, gender, race, secondary school's streaming). Therefore, few suggestions were proposed to overcome the distracting factors.

*Katakunci:* masalah pelajar

## **Pengenalan**

Pada umumnya sesuatu perkara itu akan dianggap sebagai masalah apabila sebahagian besar daripada ahli masyarakat ataupun sekumpulan masyarakat yang mempunyai pengaruh merasakan bahawa perkara yang berlaku itu tidak baik dan bercanggah dengan nilai dan norma kehidupan masyarakat. Lanjutan daripada itu, masyarakat dan kumpulan yang terlibat bersetuju untuk merubah ataupun memperbetulkan keadaan berkenaan.

Berdasarkan kepada pernyataan di atas, masalah sebenarnya bersifat subjektif dan ianya boleh berubah mengikut keadaan, tempat dan masa. Mungkin pada suatu ketika perkara yang berlaku dianggap sebagai masalah dan dalam masa yang lain, perkara yang sama tidak dianggap sedemikian. Menurut Shatar Sabran (2003), memang sukar untuk menidakkan bahawa dunia pada hari ini penuh dengan pelbagai masalah, sama ada kecil atau besar. Hampir semua golongan masyarakat mempersetujui akan senario ini. Tidak kira sama ada mereka berada di golongan atasan ataupun bawahan seperti doktor, peguam, ahli perniagaan, kerani, tukang kebun dan sebagainya, bersetuju bahawa dunia hari ini tidak bebas daripada pelbagai masalah.

## **Penyataan Masalah**

Secara umumnya kebanyakan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus yang ditawarkan oleh Universiti Teknologi Malaysia merupakan mereka yang terpilih dan mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang semasa di sekolah menengah dan seterusnya di kolej matrikulasi.

Walaupun mereka mempunyai kecemerlangan akademik, ianya tidak menjamin mereka bebas daripada sebarang masalah. Berdasarkan temubual dengan Encik Zulkepli Jemain, Penolong Pengurus Asrama Kolej Tun Razak, beliau menyatakan bahawa masalah pelajar masa kini bukanlah disebabkan masalah kewangan kerana mereka mendapat kemudahan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tetapi masalah utama mereka pada masa kini adalah mereka menghadapi masalah untuk menguruskan kewangan tersebut dengan sebaiknya. Desakan dan pengaruh kawan-kawan telah mengakibatkan sesetengah pelajar membeli keperluan tidak mengikut kemampuan mereka seperti membeli pakaian yang berjenama, telefon bimbit yang canggih dan ada di antara mereka yang suka berseronok di hujung minggu. Keadaan ini akan mengundang pelbagai masalah terutamanya masalah kewangan dan seterusnya kepada masalah-masalah yang lain seperti masalah peribadi, kesihatan, kerjaya, pengajian dan keluarga.

Selain daripada itu, menurut Penolong Pengurus Asrama Kolej Tun Razak itu lagi, masalah perkauman tidak lagi wujud di kalangan pelajar yang tinggal di Kolej Tun Razak. Namun mereka masih tidak boleh bergaul mesra di antara satu sama lain. Pendapat ini juga pernah dinyatakan oleh Profesor Dato' Abdul Samad Hadi dalam kertas kerja beliau bertajuk Senario Semasa Pelajar Melayu di IPTA iaitu walaupun secara zahirnya, hubungan pelajar-pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu adalah baik tetapi mereka masih belum menerima, tinggal bersama dalam satu bilik di kolej kediaman, belajar secara berkumpulan dan makan di kantin secara bersama.

Menurut Encik Zulkepli Jemain lagi, terdapat sebilangan pelajar yang menghadapi masalah krisis identiti yang terpengaruh dengan kumpulan-kumpulan tertentu seperti kumpulan lelaki lembut atau perempuan *tomboy*. Walaupun hanya sebilangan pelajar yang menghadapi masalah ini, ianya akan memberi impak kepada pelajar lain sekiranya masalah ini tidak dibendung dari awal. Selain daripada itu, terdapat juga pelajar yang menjadi mangsa buli dan memeras ugut. Namun, sehingga kini tiada bukti yang sahih tentang masalah ini.

Segala masalah-masalah yang dinyatakan oleh Encik Zulkepli Jemain, Penolong Pengurus Asrama Kolej Tun Razak mungkin dihadapi oleh pelajar-pelajar yang tinggal di Kolej Tun Razak. Justeru itu, melalui

kajian ini diharap masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang tinggal di Kolej Tun Razak dapat dikenalpasti dan ditangani dengan segera oleh pihak-pihak tertentu seterusnya pelajar dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran sepenuhnya bagi memperolehi pencapaian akademik dan sahsiah yang cemerlang .

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk meninjau kategori masalah di kalangan pelajar tahun satu yang tinggal di Kolej Tun Razak, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Objektif kajian secara amnya adalah untuk :

1. Mengenalpasti kategori-kategori masalah yang dihadapi oleh pelajar tahun satu Kolej Tun Razak.
2. Mengenalpasti perbezaan kategori masalah dari segi faktor demografi (program pengajian, jantina, bangsa, kelayakan akademik, aliran sekolah menengah).

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah penting bagi melihat kategori masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tahun satu yang tinggal di Kolej Tun Razak. Melaluinya masalah pelajar boleh ditangani dengan segera, agar pelajar dapat memberi tumpuan terhadap pencapaian akademik mereka supaya memperolehi kejayaan yang cemerlang di samping mempunyai sahsiah yang baik dan sempurna.

Oleh itu adalah diharapkan dengan adanya kajian ini akan memberikan kemudahan dan maklumat kepada:

### **Fakulti**

Fakulti pendidikan merupakan salah sebuah fakulti yang terdapat di Universiti Teknologi Malaysia yang menyediakan pelbagai kemudahan pembelajaran kepada pelajar. Di harap melalui kajian ini akan dapat memberi panduan dan manfaat kepada pengkaji lain untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kategori masalah yang dihadapi oleh pelajar.

### **Pihak Universiti**

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menawarkan kursus-kursus di peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Dengan adanya kajian ini diharap pihak universiti akan dapat memberikan kemudahan kepada pelajar untuk membuat rujukan terhadap kajian yang berkaitan dengan kategori masalah pelajar.

### **Pentadbir dan Pengurus Asrama Kolej Tun Razak**

Pengetua Kolej Tun Razak merupakan Profesor Madya Dr. Mohamed Sharif bin Hj. Mustafa manakala Penolong Pengurus Asrama adalah Encik Zulkepli bin Jemain. Pentadbiran kolej ini dibantu oleh 5 orang felo dan 3 orang pembantu Penyelia Asrama. Hasil kajian ini diharap akan dapat membantu pentadbir dan pengurus Asrama Kolej Tun Razak untuk menyusun program yang diperlukan oleh pelajar-pelajar tahun satu yang tinggal di Kolej Tun Razak.

## **Pengkaji lain**

Kajian kategori masalah remaja ini merupakan kajian yang sering dilakukan samada di dalam atau luar negara. Walaupun kajian yang akan dijalankan mempunyai sample, saiz populasi, tempat dan masa yang berbeza, namun ianya dapat membantu pengkaji lain mencetus idea dan mendapat maklumat berkaitan masalah pelajar.

## **Masyarakat**

Masyarakat di Malaysia mempunyai berbilang bangsa, keturunan dan agama. Walaupun mereka mempunyai citarasa dan pandangan yang berbeza namun, kadangkala mereka mempunyai masalah yang sama. Dengan adanya kajian ini, akan dapat memberi manfaat dan bimbingan bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi oleh mereka.

## **Bahagian Hal Ehwal Pelajar**

Bahagian Hal Ehwal Pelajar merupakan unit pentadbiran Universiti Teknologi Malaysia yang mentadbir maklumat pelajar. Dengan adanya kajian ini akan dapat membantu bahagian ini menyediakan kemudahan infrastruktur yang sesuai bagi pelajar-pelajar tahun satu yang tinggal di Kolej Tun Razak.

## **Unit Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar**

Unit Bimbingan dan Kaunseling merupakan unit sokongan pelajar yang membantu menyelesaikan masalah pelajar. Dengan adanya kajian ini masalah pelajar akan dapat dikenalpasti dan memudahkannya memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekiranya diperlukan oleh pelajar-pelajar tahun satu yang tinggal di Kolej Tun Razak.

## **Badan bukan Kerajaan (NGO)**

Di negara ini, terdapat pelbagai badan bukan Kerajaan (NGO) yang sering membantu remaja yang menghadapai masalah. Melalui kajian ini, pihak NGO akan dapat mengenalpasti masalah dengan lebih mudah dan seterusnya dapat membantu menangani masalah remaja dengan segera.

## **Remaja**

Remaja merupakan lapisan masyarakat yang masih muda dan merupakan aset yang amat penting kepada negara. Dalam erti kata lain, pemuda harapan bangsa dan pemudi tiang negara. Oleh yang demikian, melalui kajian ini diharap akan dapat memberi manfaat dan maklumat serta panduan kepada remaja untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan sebaiknya bagi melahirkan remaja yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

## **Metodologi**

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi dalam kajian adalah merupakan pelajar-pelajar tahun satu yang tinggal di Kolej Tun Razak. Kaedah yang digunakan adalah jenis kuantitatif dengan menggunakan set soalan soal selidik. Seramai 385 orang pelajar lelaki dan perempuan, tahun satu yang tinggal di kolej tersebut bagi sesi 2008/2009. Daripada jumlah itu, pelajar perempuan menginap di 8 buah blok asrama iaitu blok pangsa besar dan pangsa sederhana manakala pelajar lelaki tinggal di 16 buah blok iaitu blok pangsa sederhana, pangsa

kecil dan pangsapuri. Maklumat ini diperolehi daripada En. Zulkepli bin Jemain, Penolong Pengurus Asrama Kolej Tun Razak.

### **Cara persampelan**

Proses persampelan melibatkan semua pelajar tahun satu yang tinggal di Kolej Tun Razak. Oleh yang demikian seramai 385 orang pelajar tahun satu yang tinggal di kolej tersebut dijadikan sampel dalam kajian ini.

### **Instrumen Kajian**

Senarai Semak Masalah Pelajar (SSMP) merupakan instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini. Ianya telah dibangunkan oleh Syed Shafeq (2008), berdasarkan 'Mooney Problem Check List' (1942), yang merupakan soal selidik bagi 11 kategori masalah yang biasa dihadapi oleh pelajar (mahasiswa) di negara ini. Menurut Mohamad Najib (1999), soal selidik dijadikan instrumen kajian kerana mudah ditadbir dan data juga senang diperolehi untuk diproses dan dianalisis. Di samping itu, penggunaan instrumen soal selidik dapat memastikan kebolehbandingan data, meningkatkan kepastasan dan ketepatan dapatan serta memudahkan pemprosesan data. Soal selidik yang digunakan ini berfungsi untuk mengumpul maklumat mengenai masalah yang dihadapi oleh pelajar tahun satu yang tinggal di Kolej Tun Razak. Menurut Majid Konting (1990), penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh geraklaku penyelidik.

Borang soal selidik untuk pelajar tahun satu yang tinggal di Kolej Tun Razak ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Soal soal selidik ini disediakan bagi mendapatkan makumat pelajar tahun satu berkaitan demografi dan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

#### **1. Alatukur Bahagian A (Biodata)**

Mengandungi soalan-soalan berkaitan demografi pelajar iaitu program pengajian, jantina, bangsa, umur, kelayakan akademik, aliran sekolah menengah.

#### **2. Alatukur Bahagian B (Kategori Masalah)**

Dalam kajian ini kategori masalah adalah merujuk kepada inventori Senarai Semak Masalah Pelajar (SSMP). Inventori ini dibangunkan oleh Syed Shafeq (2008), yang mengandungi 11 kategori masalah dan 232 item yang merupakan soal selidik masalah di kalangan pelajar-pelajar yang tinggal di Kolej Tun Razak. Dengan menggunakan borang soal selidik ini pelajar dikehendaki menanda item-item dari 11 kategori masalah yang telah disenaraikan dalam Bahagian B iaitu Kesihatan, Kewangan, Hiburan, Sosial, Peribadi, Seks, Keluarga, Akhlak, Pengajian, Kerjaya dan Pengajaran.

### **Kebolehpercayaan Instrumen Kajian**

Kebolehpercayaan Senarai Semak Masalah Pelajar (SSMP) adalah berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat oleh Tan Hong Goon (2004) dan Tan Wei Peng (2006). Kebolehpercayaan SSMP didapati tinggi dan sesuai untuk digunakan bagi mengesan masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja atau pelajar-pelajar di Malaysia.

### **Perbincangan**

Masalah merupakan suatu yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan dan hakikatnya kita perlu menghadapi masalah tersebut. Ada masalah yang boleh diselesaikan secara individu, namun begitu ada

juga masalah yang perlu diselesaikan dengan bantuan orang lain sama ada melalui perundingan, perbincangan atau mesyuarat. Perbincangan ini tertumpu kepada menjawab persoalan kajian dan untuk memastikan objektif kajian tercapai bagi melihat masalah-masalah yang dihadapi pelajar-pelajar tahun satu Kolej Tun Razak dari segi masalah dengan demografi.

Dengan adanya kajian ini, ia boleh dijadikan satu garisan panduan bagi Pengetua Kolej Tun Razak dan pihak-pihak yang berkepentingan bagi mengurangkan masalah-masalah yang menganggu pelajar berdasarkan kategori. Hasil dapatan kajian daripada Bab 4 menunjukkan kategori-kategori masalah paling menganggu pelajar tahun satu Kolej Tun Razak dari segi demografi (program pengajian, jantina, bangsa, kelayakan akademik dan aliran sekolah menengah) adalah penyesuaian dan kerjaya masa depan (67.3%), moral dan agama (56.7%) dan kegiatan sosial dan rekreasi (53.6%). Manakala kategori masalah yang paling kurang menganggu responden pula ialah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan (35.9%), kurikulum dan kaedah pengajaran (34.8%) dan kesihatan dan pertumbuhan jasmani (33.5%).

Daripada dapatan kajian ini akan dapat membantu penyelidik dan pihak-pihak yang terbabit mengesan punca-punca masalah yang dihadapi oleh pelajar tahun satu Kolej Tun Razak dan seterusnya dapat membantu mereka mengatasi masalah yang dihadapi. Di samping itu juga, maklumat daripada kajian ini diharap dapat membantu meningkatkan lagi pencapaian akademik pelajar tahun satu Kolej Tun Razak serta mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka.

Berdasarkan program pengajian, hasil kajian menunjukkan bahawa kategori masalah yang paling menganggu ketiga-tiga program pengajian adalah sama iaitu penyesuaian dan kerjaya masa depan di mana program pengajian Sarjana Muda Fizik Kesihatan (SSH, 68.3%), Sarjana Muda Sains Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (SHR, 65.4%) dan Sarjana Muda Psikologi (Industri dan Organisasi) (SHY, 67.8%). Manakala kategori masalah yang kurang menganggu responden ketiga-tiga program adalah berbeza iaitu program pengajian Sarjana Muda Fizik Kesihatan (SSH), ((kesihatan dan pertumbuhan jasmani, 31.6%), Sarjana Muda Sains Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (SHR), (kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan, 32.6%) dan Sarjana Muda Psikologi (Industri dan Organisasi) (SHY) (kurikulum dan kaedah pengajaran, 31.2%).

Berdasarkan jantina, hasil kajian menunjukkan bahawa kategori masalah yang paling menganggu responden lelaki dan perempuan adalah sama iaitu penyesuaian dan kerjaya masa depan di mana lelaki, 67.3% dan perempuan, 67.8%. Manakala kategori masalah yang kurang menganggu responden lelaki dan perempuan adalah berbeza di mana lelaki (kesihatan dan pertumbuhan jasmani, 31.8%) dan perempuan (kurikulum dan kaedah pengajaran, 31.7%).

Berdasarkan bangsa pula, hasil kajian menunjukkan bahawa kategori masalah yang paling menganggu responden berbangsa melayu dan cina adalah sama iaitu penyesuaian dan kerjaya masa depan di mana melayu, 68.3% dan cina, 64.8%. Manakala kategori masalah yang kurang menganggu responden berbangsa melayu dan cina adalah berbeza di mana melayu (kurikulum dan kaedah pengajaran, 33.9%) dan cina (kesihatan dan pertumbuhan jasmani, 32.3%).

Berdasarkan kelayakan akademik, hasil kajian menunjukkan bahawa kategori masalah yang paling menganggu responden kelayakan Matrikulasi dan STPM adalah sama iaitu penyesuaian dan kerjaya masa depan di mana kelayakan matrikulasi, 68.0% dan STPM, 66.5%. Manakala kategori masalah yang kurang menganggu responden kelayakan akademik Matrikulasi dan STPM adalah sama iaitu kesihatan dan pertumbuhan jasmani di mana Matrikulasi, 32.6% dan STPM, 35.3%.

Berdasarkan aliran sekolah menengah, hasil kajian menunjukkan bahawa kategori masalah yang paling menganggu responden Sekolah Harian, Sekolah Asrama Penuh dan Sekolah Teknik/Vokasional adalah penyesuaian dan kerjaya masa depan di mana Sekolah Harian (68.2%), Sekolah Asrama Penuh (67.8%)

dan Sekolah Teknik/Vokasional (67.2%). Manakala kategori masalah yang kurang menganggu responden adalah berbeza di mana Sekolah Harian (kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan, 31.2%), Sekolah Asrama Penuh (kesihatan dan pertumbuhan jasmani, 31.6%) dan Sekolah Teknik/Vokasional (kurikulum dan kaedah pengajaran, 31.7%).

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati kategori masalah yang paling menganggu responden berdasarkan demografi (program pengajian, jantina, bangsa, kelayakan akademik dan aliran sekolah menengah) adalah sama iaitu penyesuaian dan kerjaya masa depan. Hasil kajian juga mendapati, kategori masalah yang kurang menganggu adalah berbeza berdasarkan demografi (program pengajian, jantina, bangsa dan aliran sekolah menengah) kecuali demografi kelayakan akademik.

Hasil dari kajian ini diharapkan dapat memberi maklumbalas kepada pihak pentadbiran Kolej Tun Razak terutamanya Pengetua Kolej dan Penolong Pengurus Asrama bagi mengambil langkah seterusnya untuk menyelesaikan masalah pelajar-pelajar khasnya pelajar tahun satu Kolej Tun Razak. Di samping itu juga, diharap hasil kajian ini diharapkan akan dapat digunakan oleh pihak pentadbiran Kolej Tun Razak untuk mempertingkatkan lagi kemudahan infrastruktur dan keselesaan suasana persekitaran kolej. Bagi ibu bapa pelajar, diharap hasil kajian ini akan dapat memberi gambaran kepada mereka tentang kepentingan peranan mereka dalam memberi sokongan dari segi moral, kewangan dan motivasi terhadap anak-anak mereka dalam menempuh semester pengajian yang akan datang.

## Rumusan

Daripada dapatan kajian, rumusan yang dibuat mengenai persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan, didapati tiga kategori masalah yang paling tinggi peratusannya menunjukkan secara jelas bahawa kategori masalah yang dihadapi oleh pelajar tahun satu Kolej Tun Razak yang paling menganggu adalah penyesuaian dan kerjaya masa depan, moral dan agama dan kegiatan sosial dan rekreasi. Manakala kategori masalah yang paling kurang menganggu responden pula ialah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan, kurikulum dan kaedah pengajaran dan kesihatan dan pertumbuhan jasmani.

Hasil kajian bagi kategori masalah yang paling menganggu yang telah dilaksanakan terhadap pelajar tahun satu Kolej Tun Razak ini adalah sama dengan hasil kajian yang pernah dilaksanakan oleh Lee Chin Earn (2000), Rosdi Yahya (2000), Ismail Ahmad (2000), Akla Su (2004), Tan Hong Goon (2004) dan Tan Wei Peng (2006) iaitu berkaitan kerjaya masa depan. Walaupun terdapat persamaan namun bagi, kategori masalah yang menganggu berikutnya adalah berbeza. Kajian yang dilaksanakan Lee Chin Earn di kalangan pelajar mendapati kategori masalah yang paling menganggu responden ialah masalah pelajaran dan kerjaya masa depan diikuti masalah kegiatan sosial dan hiburan serta masalah moral dan agama.

Manakala kajian Rosdi Yahya (2000), pula mendapati kategori masalah pelajaran dan kerjaya masa depan, moral dan agama, kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan adalah masalah yang paling menganggu pelajar-pelajar. Hasil kajian oleh Ismail Ahmad (2000) pula mendapati bahawa kategori masalah dengan demografi jantina, tingkatan dan aliran menunjukkan keputusan kategori masalah yang paling menganggu pelajar adalah pelajaran dan kerjaya masa depan, moral dan agama, kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan. Kajian Akla Su (2004), hasil kajian kategori masalah yang menganggu responden ialah pelajaran dan kerjaya masa depan, penyesuaian terhadap kerja-kerja tugas akademik dan moral dan agama. Hasil kajian Tan Hong Guan (2004), masalah utama pelajar ialah pelajaran dan kerjaya masa depan diikuti penyesuaian terhadap kerja-kerja tugas akademik dan kurikulum dan kaedah pengajaran.

Jika dikaji, terdapat persamaan bagi hasil kajian kategori masalah yang paling menganggu responden oleh pengkaji terdahulu iaitu penyesuaian dan kerjaya masa depan. Walaupun hasil kajian adalah sama, namun

didapati terdapat peningkatan dalam peratusan berbanding kajian-kajian lepas. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan fokus utama responden adalah berkenaan kerjaya masa depan. Ini bermakna responden mahukan kehidupan yang baik dan sempurna demi masa depan mereka. Kebimbangan dan pengharapan responden terhadap peluang pekerjaan terutamanya dalam sektor awam atau swasta adalah tinggi. Senario ini berlaku adalah disebabkan peluang pekerjaan semakin berkurangan berpunca daripada kegawatan ekonomi dunia dan masalah-masalah lain.

Peningkatan peratusan setiap kategori masalah kemungkinan juga berkaitan dengan hasil kajian Sidek Mohd Noah et al (2000), yang mendapati amalan pemilihan sedia ada calon untuk kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah berdasarkan pencapaian akademik, ko-kurikulum dan pilihan pelajar. Walaupun pencapaian akademik dan ko-kurikulum pelajar memenuhi syarat, namun pilihan yang dibuat oleh pelajar berkemungkinan tidak tepat dengan personaliti, minat, nilai, dan potensi sebenar diri mereka. Keadaan ini boleh membawa kepada pencapaian yang tidak memuaskan dalam pengajian, kekecewaan, pertukaran program dan penarikan diri daripada program pengajian berkenaan. Ketidakselarasan antara aspek personaliti dan minat merupakan pembaziran modal insan yang berpotensi. Keadaan ini juga merugikan universiti yang telah banyak menghabiskan masa untuk melatih pelajar.

## Rujukan

- Abdullah Vakily (2000). *The American Journal of Islamic Social Sciences. USA.*
- Abdul Samad Hadi (2001). Senario Semasa Pemajuan Akademik Pelajar Melayu di IPTA Kolokium Pemajuan Akademik Pelajar Melayu di IPT, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Adelgan F. and Park D (1985). *Problem of transition for Africa Student in an America University. Journal of College. Student personal,* 25, 504-508
- Ahmad Tulka (1997). Satu Tinjauan Mengenai Kategori Masalah di kalangan Pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan (MP), UTM, Skudai, Johor. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Redzuan Yunus (2003), Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam, Punca dan Penyelesaiannya. Cetakan Pertama: Utusan Publication & Distribution Sdn.Bhd.
- Akla Su (2004). Satu Tinjauan Mengenai Kategori Masalah Yang dihadapi Oleh Pelajar Kemasukan Terus di Kolej 13, UTM. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Annie Suziana Kamaruddin (2006). Hubungan Kategori Masalah Dengan Demografi pelajar-pelajar di Kolej Tuanku Canselor, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahya (2003). Fenomena Cinta, Janji Temu, Perlakuan Seks dan Hubungannya. Jurnal Pendidikan 23.
- Busrah Basiron, Azhar Muhamad, Mohd Ismail Mustari (2007), Kepentingan Dasar Pengasingan Mengikut Gender Bagi Mengatasi Masalah Sosial di kalangan Mahasiswa, Simposium Pengajaran Pembelajaran UTM.
- Chai Ming Sing, Mohamed Fadzil Che Din dan Laily Mastura Harun (2004). *Level of Phsychological stress Among College student in Malaysia.* Kertas Kerja Seminar Kaunseling: UUM.
- Ee Ah Meng (1995). Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak (Asas Pendidikan 4). Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd

Hariri Khamis (1997). Masalah Penyesuaian Pelajar-Pelajar Baru di Pusat Matrikulasi, Universiti Utara Malaysia.

Haslinda Abdullah (2000). Isu dan Cabaran Dakwah di Kalangan Golongan Homoseksual . Universiti Pertanian Malaysia, Jawatankuasa Sekretariat Pembangunan Sosial (SEPSO) ABIM

Hasnah Binti Hamzah (2007). Hubungan Kategori Masalah dengan Demografi pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah Zon pasir Gudang berdasarkan Money Problem Check List, Tesis Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan kaunseling)

Hasnah Ibrahim (1982). Masalah-masalah Penuntut dan Peranan Pensyarah dalam Mengurangkan Masalah ini ke atas Pencapaian Mereka. Kertas Kerja UTM

Heikinheimo. P.S. and Shute. J.C.M (1986). *The Adaption of Foreign Student: Student View and Institutional Implications. Journal of College Student Personnel*, 27, 399-405.